

Catat pelaburan paling tinggi

Sinar 3

23/9/12 ms 19.

Thailand negara terbaru melabur di Selangor

ASYRAF MUHAMMAD

SIMPANG LIMA – Kerajaan Negeri menerima jumlah pelaburan paling tinggi berbanding negeri lain di Malaysia dalam usaha membangunkan negeri tersebut.

Difahamkan, jumlah pelaburan di negeri itu mencecah sehingga RM7 billion selepas menerima pelaburan beberapa pelabur yang melihat peluang perniagaan yang cerah di negeri tersebut.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, pihaknya menerima hasrat Thailand untuk melabur di negeri itu dalam usaha sama memajukan ekonomi penduduk di Selangor baru-baru ini.

“Saya sendiri pergi ke Thailand pada minggu lalu untuk membincangkan mengenai pelaburan mereka di negeri ini,” katanya ketika Majlis Penyampaian Hakmilik Tanah dan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) Fasa 2 di Dewan Simpang 5, semalam.

Beliau berkata, pihak berkenaan bersetuju melabur di negeri tersebut selepas melihat potensi pembangunan yang terdapat di Selangor dalam kemajuan ekonomi penduduk.

“Selangor sebuah negeri yang mempunyai peluang pembangunan tinggi dan faktor ini dilihat merupakan salah satu daya penarik kepada pelabur untuk menjalankan perniagaan di negeri ini,” katanya sebelum menyampaikan geran hak milik tanah kepada penduduk disini.

Khalid berkata, menerusi penyampaian hak milik tanah itu juga, ia dapat membantu pembangunan serta ekonomi penduduk setempat bagi memajukan negeri.



Khalid menyerahkan bantuan SMUE kepada penerima yang mendaftar bagi menerima bantuan berkenaan melalui Fasa 2.

Menurutnya, konsep pembangunan bersama yang dijalankan Kerajaan Negeri dapat memajukan taraf hidup serta ekonomi pemilik tanah.

“Penduduk dapat menguruskan tanah yang diberikan tersebut dan bersama membangunkan negeri ini bagi menarik lebih ramai lagi jumlah pelabur di masa hadapan,” katanya.

Dalam program itu, seramai 111 penduduk menerima geran hak milik tanah meliputi Mukim Sungai Panjang dan Mukim Sungai Besar manakala seramai 86 penerima menerima bantuan skim SMUE khas bagi membantu penduduk warga emas.

Khalid berkata, Skim SMUE adalah khairat kematian di mana Kerajaan Negeri akan membayar kepada mana-mana ahli yang mendaftar melalui warisnya sebanyak RM2,500 un-

tuk dua fasa.

“Pada fasa pertama, RM1,000 akan diberikan manakala baki bayaran RM1,500 akan dibayar selepas dua bulan setelah semua dokumen termasuk sijil kematian dan kubur diterima,” katanya lanjut.

Sementara itu, seorang penerima geran hak milik tanah, Siti Asiah Taib, 63, amat bersyukur dengan pemberian geran tersebut setelah menunggu hampir dua tahun.

Asiah berkata, dia sudah menetap di Parit 16, Kampung Hala Cara Baru sudah hampir 20 tahun dan pemberian geran tersebut adalah sangat bermakna buatnya dan keluarga.

“Saya rasa gembira dan amat berpuas hati memandangkan sudah lama menanti untuk mendapatkan hak milik tanah tersebut,” katanya.